



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

JAWATAN	:	Pembantu Eksekutif (Pematuhan/ Audit Dalam) Seksyen Integriti Bahagian Perundangan, Kesetiausahaan & Integriti
GRED JAWATAN/ GAJI	:	Gred A3
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	Bukan Pengurusan
TARAF JAWATAN	:	Tetap
BILANGAN KEKOSONGAN	:	Satu
GAJI	:	RM2,460.00 hingga RM3,020.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perakaunan/ Pengurusan Risiko/ Sains Aktuari/ Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- d. Mempunyai pengalaman minimum lima (5) tahun sebagai Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) atau berkaitan kerja-kerja audit dalaman;
- e. Berkemahiran dalam membuat analisis, penyelesaian masalah dan mampu memberikan penerangan yang baik berkaitan dengan pematuhan dan audit dalaman;
- f. Berorientasikan perincian, teratur dan berkemampuan untuk mengurus pelbagai keutamaan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- g. Mempunyai kemahiran komunikasi yang sangat baik dan mampu bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan; dan
- h. Mempunyai sijil profesional berkaitan pematuhan seperti *Certified Compliance Profesional* (CCP) adalah satu kelebihan.

DESKRIPSI TUGAS :

- a. Bertanggungjawab membantu urusan pentadbiran Seksyen Integriti untuk penyediaan Laporan Audit Dalam kepada Jawatankuasa Audit & Integriti dan Laporan Audit Negara kepada Jabatan Audit Negara Negeri Johor; dan
- b. Bertanggungjawab membantu di dalam memastikan tahap governans yang baik melalui usaha memperkukuhkan integriti kakitangan di organisasi serta menangani isu-isu berkaitan integriti terutamanya perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

CARA MEMOHON DAN TARIKH TUTUP IKLAN :

- a. Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan jawatan yang boleh dimuat turun secara atas talian di www.ibiotech.my.
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, sijil/dokumen yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain yang disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah **sebelum atau pada 17 Mac 2024 jam 4.00 petang**.

**Ketua Pegawai Eksekutif
J-Biotech Holdings Sdn Bhd
No 44 Jalan Iskandar Putri 1/2
Taman Nusantara Prima
81550 Gelang Patah
Iskandar Puteri
Johor**

- c. Nama jawatan yang dipohon dan tarikh tutup iklan hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.

CATATAN :

- a. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk temuduga;
- b. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh 30 hari dari tarikh iklan ditutup;
- c. Permohonan yang tidak menggunakan borang permohonan jawatan yang disediakan, tidak disertakan dokumen yang diperlukan, tidak lengkap atau tidak terang/tidak jelas dan tidak mematuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan akan ditolak;
- d. Permohonan yang lewat atau diterima selepas tarikh tutup iklan juga akan ditolak; dan
- e. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ini adalah ditanggung sendiri oleh pemohon.

J-Biotech Holdings Sdn Bhd

3 Mac 2024

22 Syaaban 1445H